

27 AUG 1999

Mahathir-Dialog

DR MAHATHIR BIMBANG RAKYAT TERLALU YAKIN TERHADAP PEMULIHAN

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau telah mula bimbang rakyat negara ini mungkin terlalu yakin sedangkan ekonomi Malaysia kini sedang dipulihkan.

"Saya bimbang kerana keyakinan yang terlalu tinggi menghasilkan rasa kepuasan hati pada masa kita memerlukan dedikasi, komitmen dan kesinambungan," katanya.

"Kita telah terjengah dari belukar tetapi kita belum lagi keluar dari belukar itu," katanya di pertemuan tertutup sarapan pagi di sini.

Dr Mahathir juga berkata ekonomi masih rapuh dan risikonya masih ada.

"Kita tidak ragu-ragu lagi akan menyaksikan pertumbuhan sederhana tahun ini, tetapi kecacatannya masih ada. Kadar tukaran tetap dan kawalan modal berpilih telah membantu menyediakan suasana yang sesuai bagi menggerakkan ekonomi dan menyusun semula sistem perbankan."

"Banyak yang telah kita buat," kata Dr Mahathir tetapi masih banyak yang perlu dilakukan dalam penyusunan semula korporat.

Perdana Menteri berkata tidak ada yang mudah dilakukan dan kerajaan realistik untuk tidak menjangkakannya, tetapi proses pemulihan adalah perlahan dan bukan tanpa keperitan.

Beliau berkata sebahagian besar masalah adalah perbezaan antara perkataan dan perbuatan, halangan besar dari mereka yang mempunyai kepentingan tidak harus dipandang rendah.

"Sebagai sebuah demokrasi, kita tidak boleh memaksa orang membuat apa yang mereka tidak mahu lakukan. Lagipun, selagi kecacatan dalam sistem kewangan antarabangsa tidak diperbetulkan, negara-negara kecil adalah seperti perahu di lautan bergelora dan oleh itu mudah karam," katanya.

Dr Mahathir juga berkata "oleh itu kita tidak boleh kembali kepada sistem yang tidak sempurna. Kita perihatin dengan kesejahteraan rakyat dan negara kita tetapi kita juga sedar bahawa kesejahteraan ekonomi dunia turut penting kepada kita.

"Oleh itu, kita mahu melihat perubahan sistem kewangan antarabangsa dilaksanakan secepat mungkin."

Bagi perubahan itu membuah hasil, Dr Mahathir berkata minda mereka yang berkuasa perlu diubah.

Sebarang cubaan untuk mengekalkan kepentingan beberapa pedagang matawang hanya akan menafikan hasil perubahan itu, tegasnya.

Mengenai pasaran bebas, beliau berkata Malaysia percaya dalam konsep itu tetapi sebagai bahan kepercayaan dan bukan satu agama.

Perdana Menteri berkata pasaran bebas adalah sistem yang tidak sempurna yang direka oleh manusia yang tidak sempurna.

"Ia harus dituruti hanya jika ia memberikan hasil yang dikehendaki. Jika tidak, kita tidak takut untuk mengkajinya semula untuk membuat perubahan, atau sebagai pilihan terakhir, untuk menyingkirkannya sahaja."

Beliau juga berkata masalah pasaran bebas seperti juga dengan semua sistem yang ada adalah kecenderungan untuk memperluaskan tafsirannya.

"Apabila pasaran bebas diterima pakai, tiada orang yang benar-benar memikirkan matawang harus dianggap sebagai komoditi dan diniagakan seperti biji kopi atau gandum.

"Ia wujud kemudian apabila bijak pandai di pusat-pusat kewangan merasakan jika mereka boleh mendapatkan wang dengan mudah dengan menjual wang dalam pasaran bebas, kenapa tidak?".

Beliau juga berkata "begitulah, perkara yang penting adalah untuk mendapatkan wang dengan memperdagangkan wang."

"Kepada bijak pandai ini," katanya, "yang utama adalah sama ada pasaran bebas menawarkan peluang untuk mendapatkan wang. Sama ada dengan menjual wang berjuta-juta orang akan hilang pekerjaan, kebuluran, sama ada ekonomi negara dan keseluruhan rantau dimusnahkan, sama ada pergolakan politik berlaku -- ini semua tidak relevan."

"Apabila didakwa kerana menyebabkan kesusahan manusia, jawapan yang kita terima (daripada orang ini) adalah 'ini adalah pasaran bebas'. Ia mengajar anda bagaimana hendak menguruskan pasaran bebas. Kami memberikan pulangan yang baik dengan memusnahkan anda supaya burung purbakala muncul dari abu."

Dr Mahathir menjelaskan bahawa Malaysia percaya sistem pasaran bebas telah disalah guna oleh para pedagang matawang dan kapitalis-kapitalis jangka pendek.

Beliau berkata mereka mengaut untung dan "Malaysia tidak melihat sebarang sebab kenapa ia harus menganuti pasaran bebas apabila mereka yang mengaut keuntungan tidak percaya dengan hasrat asal pasaran bebas."

Dr Mahahir berkata: "Kita percaya kepada pasaran bebas kerana hasil yang dijanjikan. Kini kita lihat bahawa bukan sahaja hasil yang dijanjikan tidak dicapai, tetapi apa yang telah dicapai telah dimusnahkan secara sistematik oleh sistem pasaran bebas yang sama."

"Sebagai seorang doktor, saya telah diajar supaya menghapuskan penyebab untuk mengubat pesakit. Oleh itu dengan menghalang matawang Malaysia dalam apa sahaja bentuk, jatuh ke tangan para pedagang matawang, manipulasi kadar tukaran kita tidak mungkin dilakukan."

"Kerajaan mendapatkan semula haknya untuk menentukan kadar tukaran sementara manipulator pasaran saham dinafikan akses kepada saham yang mereka harap boleh dijual singkat."

"Ini menghentikan manipulasi pasaran saham untuk, secara sengaja atau tidak, membangkrutkan bank, perniagaan-perniagaan Malaysia dan akhirnya kerajaan."

"Sebelum ini, kekuatan dan kelemahan negara dari segi politik, ekonomi, kewangan dan sosial diaudit dan kesan tindakan yang dicadangkan dikaji," katanya.

Penawar kepada kemungkinan kesan-kesan negatif dirangka dan setiap aspek ekonomi diawasi dan diteliti, katanya.

Dr Mahathir berkata banyak pelan tindakan dirangka untuk membolehkan ekonomi pulih.

"Kami gembira kerana sebaik sahaja kawalan modal terpilih dikenakan, tanda-tanda pemulihan telah dilihat," katanya.

Contohnya, Indeks Komposit (Bursa Saham) Kuala Lumpur meningkat serta merta dan dengan segera sementara rizab tumbuh tidak seperti sebelumnya," katanya.

-- BERNAMA

DVS JR